

PENGURUSAN HUTANG KAD KREDIT DALAM KALANGAN PEKERJA MUDA

Amira Sofia Ahmad Basri dan Norzalina Zainudin¹

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor yang mendorong pengurusan hutang kad kredit dalam kalangan pekerja muda di Univeriti Putra Malaysia. Persampelan rawak mudah digunakan dalam memilih 200 responden yang bekerja di lima buah fakulti yang terdapat di Universiti Putra Malaysia. Hasil kajian mendapati perkaitan yang signifikan di antara pengetahuan dan sikap terhadap tingkahlaku pengurusan hutang kad kredit dalam kalangan pekerja. Selain itu, ujian regresi pelbagai membuktikan pengaruh faktor sikap yang dominan dalam aspek pengurusan hutang kad kredit. Bagaimanapun, kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap pendidikan dan pendapatan individu terhadap tingkahlaku pengurusan hutang kad kredit. Sehubungan itu dicadangkan golongan pekerja muda perlulah didedahkan dengan strategi pendidikan kewangan dari awal lagi supaya dapat memupuk sikap yang positif terhadap kewangan dan pengurusan hutang yang baik dan berkesan.

Kata kunci: Pengurusan hutang, kad kredit, pekerja muda.

PENGENALAN

Kad kredit mula diperkenalkan di Amerika Syarikat pada awal abad ke-20. Sejak dari itu, kad kredit mula menjadi alat utama dalam menjalankan transaksi pembayaran di seluruh dunia (Watson, 2000). Definisi kad kredit secara umumnya difahami sebagai satu alat atau instrumen pembayaran yang memudahkan dan boleh digunakan pada bila-bila masa sahaja. Chong (2011) menyatakan bahawa kad kredit mula diperkenalkan di Malaysia pada era 70-an. Pengenaan caj sekitar 18 % setahun merupakan antara faktor mengapa kad kredit menjadi pilihan individu disamping kemudahan pembayaran ketika mendapatkan barangan atau perkhidmatan. Faktor kemudahan untuk di bawa ke mana-mana dan tidak perlu membawa wang tunai yang banyak juga merupakan sebab dalam penggunaan kad kredit. Pemilikan kad kredit yang mudah juga dilihat sebagai factor pendorong untuk menjadi golongan "pembelian kompulsif" yang mengundang seseorang untuk membeli belah dengan cara berhutang. Pembelian kompulsif ini mengundang corak perbelanjaan pada masa kini. Ia, bergantung kepada pendapatan seseorang.

Di Malaysia, perkembangan ekonomi mempengaruhi keseluruhan pendapatan, begitu juga dengan keadaan ekonomi dunia. Perubahan di dalam ekonomi dunia telah mewujudkan keadaan inflasi dan juga telah mengakibatkan corak perbelanjaan hidup keluarga meningkat (Ballard et al. 1977). Corak perbelanjaan yang jelas ketara dapat dilihat pada generasi Millennial atau Boomlets atau Echo Boomlets atau nama lainnya ialah generasi Y iaitu mereka yang lahir bermula dari tahun 1975 sehingga tahun 1995, atau berumur dari 23 sehingga 43. Mereka menggunakan konsep "*live only for the moment*" atau menjalani kehidupan mewah tanpa mempunyai sebarang perancangan pada masa hadapan. Mereka mempunyai tahap pengetahuan yang rendah dan seringkali terdedah kepada kejutan kewangan. Jelas sekali golongan ini mengamalkan gaya hidup berhutang untuk dilihat hidup dalam kemewahan. Mereka mudah terpengaruh dengan individu di sekeliling mereka demi menonjolkan kemewahan material yang dimiliki. Sebagai contohnya, mereka berlumba-lumba memperagakan pakaian semata-mata mahu dilihat oleh orang lain. Membuat pembiayaan bukanlah satu keburukan tetapi perlu mengetahui bagaimana mengendalikan pembiayaan tersebut dan

¹ Jabatan Pengurusan Sumber Dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

merancang kewangan dengan sebaik mungkin supaya tidak berdepan dengan masalah-masalah yang boleh mempengaruhi kehidupan seharian seseorang. Misalnya, apabila memohon kad kredit perlulah tahu bagaimana cara menguruskan hutang tersebut.


Sebagaimana yang kita ketahui, isu hutang yang tinggi sering dikaitkan dengan golongan muda. Hal ini kerana, mereka akan mula perlahan-lahan keluar dari hidup bergantung kepada hidup berdikari sepenuhnya (Shim, Xiao, Barber & Lyons, 2009). Di samping hidup berdikari tersebut, mereka telah menjumpai alternatif untuk memiliki sesuatu barang tanpa mengeluarkan wang pendahuluan iaitu kad kredit sehingga menyebabkan mereka menggunakannya tanpa mengawalinya sehingga tergolong dalam golongan muflis kerana tidak mampu untuk membayar hutang tersebut. (Kempson, 2005; Burton, 2000). Maka tidak hairanlah mengapa golongan ini kebanyakannya diisytiharkan muflis menurut laporan daripada Jabatan Insolvensi (2015).

Beberapa faktor seperti tahap pendidikan, pendapatan, pengetahuan dan sikap amat mempengaruhi pengurusan hutang. Selain dari itu, tahap pendidikan juga merupakan aspek yang penting dalam menilai pekerja muda samada boleh atau tidak menguruskan kewangan dengan sebaiknya. Hal ini kerana apabila mendapat tahap pendidikan yang tinggi boleh mendorong seseorang untuk berfikir baik atau buruk hutang kad kredit tersebut. Bagi aspek pendapatan, terkadang pendapatan yang tetap tidak boleh menampung belanja yang tidak tetap merupakan salah satu penyebab mengapa pekerja muda tidak mampu untuk memenuhi keperluan dan kehendak mereka. Ketiga, adalah pengetahuan terhadap kad kredit. Pengetahuan yang tinggi terhadap kad kredit amatlah digalakkan supaya pemilihan kad kredit yang terbaik dapat mengelakkan seseorang untuk salah membuat keputusan sehingga terjebak kepada golongan muflis.

Akhir sekali, sikap terhadap pengurusan hutang kad kredit. Sikap yang positif dapat mengurangkan individu untuk hidup dalam keadaan berhutang. Apabila sikap tidak suka berhutang, boleh mengelakkan individu untuk tergolong dalam golongan muflis. Oleh itu, kajian yang dilakukan ini adalah untuk mengenalpasti faktor pengurusan hutang kad kredit dalam kalangan pekerja muda.

Bankrap menurut laman web Jabatan Insolvensi Malaysia ialah merujuk kepada satu proses dimana seorang penghutang diisytiharkan muflis oleh mahkamah. Pihak pemiutang boleh menfaikan tindakan kebangkrapan sekiranya hutang melebihi RM50,000 menurut Akta Kebankrapan 1967 (pindaan 2016). Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan muflis terutama dalam golongan belia ini. Salah satunya adalah disebabkan oleh hutang kad kredit yang tidak mampu dibayar Elangkovan dan Ahmed Razman (2013). Kajian lain oleh Nazni Noordin bersama pengkaji-pengkaji lain (2012) turut menunjukkan kad kredit menjadi punca utama seseorang membawa kepada kebangkrapan dan muflis. Menurut artikel (mstar, 2016) hampir 25,000 individu usia bawah 35 tahun diisytiharkan muflis". Berdasarkan artikel ini, punca utama kebangkrapan adalah kerana tidak berupaya untuk membayar pinjaman kereta, rumah dan peribadi atau penjamin kepada peminjam lain.

Data yang diperoleh daripada Jabatan Insolvensi Malaysia menunjukkan seramai 18,457 diisytiharkan muflis sejak tahun 2015. Daripada jumlah itu, data yang menunjukkan paling tinggi ialah dari golongan berumur 35-44 tahun iaitu seramai 6507, diikuti 4,744 daripada golongan berumur 45-54 tahun dan 4648 daripada golongan berumur daripada 25-34 tahun. Menurut keratan akhbar Utusan Malaysia pada tahun 2010 menyatakan secara puratanya pada setiap hari, golongan yang berumur dalam lingkungan 21-40 tahun dianggarkan muflis akibat kurangnya pengetahuan berkaitan dengan pengurusan kewangan.



Rajah 1:
Jumlah Kes Kebankrapan Mengikut Golongan Umur (2015)

Gabungan persatuan-persatuan pengguna (FOMCA) mendapati antara punca utama kepada masalah-masalah itu adalah kerana urusan sewa beli seperti kereta, rumah dan penggunaan kad kredit yang berlebihan.

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (2013) menyatakan golongan orang yang bekerja lebih menyukai penggunaan kad kredit berbanding menggunakan kad debit atau tunai dalam urusan pembelian mereka yang akhirnya memasuki perangkap hutang. Bagi mereka, menggunakan kad kredit tidak nampak pengeluarannya berbanding menggunakan tunai. Disebabkan itulah, kira-kira 321,530 individu menyertai kaunseling mengenai pengurusan hutang.

Berdasarkan artikel yang dikeluarkan oleh Sinar Harian pada 9 April 2015 iaitu “Sejumlah 321,530 pengguna menyertai kaunseling pengurusan hutang manakala 125,330 individu memohon mendapatkan nasihat mengenai pengurusan kredit menerusi program pengurusan kredit (DMP) dikendalikan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) sehingga akhir Februari 2015. Pada tahun 2014, angka tersebut adalah sebanyak 121 495 yang memohon mendapatkan nasihat berkenaan kredit, angka itu meningkat kepada 309,663.


Daripada jumlah tersebut, 42.7 peratus terdiri daripada pekerja sektor swasta berbanding 8.6 peratus pekerja sektor awam dan 48.7% adalah lain-lain. Dari segi demografi, lelaki mendominasi Program Pengurusan Hutang (DMP) tersebut iaitu mencecah 75,340 manakala wanita hanya seramai 37,641 orang. Sehingga Februari, sebanyak 7,103 kes dengan nilai tertunggak RM290.8 juta telah berjaya diselesaikan oleh program DMP. Manakala, 74,163 akaun aktif yang bernilai RM6.45 bilion dipantau dari semasa ke semasa. Peningkatan ini berpunca daripada pengurusan kewangan yang lemah (22.6%) diikuti kegagalan dalam perniagaan (16.5%) dan isu perbelanjaan perubatan yang tinggi (15.2%) dan 45.7% adalah lain-lain.

Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) pada 17 Mac 2015 merekodkan sebanyak 463 aduan berkenaan kad kredit pada tahun 2013. Antaranya ialah kelewatan membayar caj bayaran, penggunaan kad kredit oleh pihak ketiga, pembatalan kad kredit yang tidak lengkap yang menyebabkan mereka masih dikenakan kadar bunga yang berlipat ganda dan pengeluaran

kad kredit oleh pihak bank tanpa mendapat persetujuan pemilik kad dan sebagainya. Hal ini menunjukkan pengguna kurang pengetahuan berkenaan cara menggunakan kad kredit dengan betul dan berhemat.

Walaupun terdapat beberapa agensi yang menawarkan perkhidmatan mengenai segala urusan kad kredit, perancangan kewangan dengan betul dan sistematik, pengurusan hutang dan sebagainya, pengguna masih tidak peka dengan hal tersebut. Hasil daripada dapatan kajian lepas dan statistik yang ditunjukkan telah membuktikan bahawa terdapat beberapa faktor seperti tahap pendidikan, pendapatan, tahap pengetahuan, sikap yang mempengaruhi tingkahlaku pengurusan hutang kad kredit. Hal ini secara tidak langsung juga menunjukkan bahawa terdapat perkara yang perlu diperbaiki supaya isu hutang kad kredit golongan pekerja dapat dikurangkan. Oleh yang demikian, faktor-faktor yang mempengaruhi tingkahlaku pengurusan hutang kad kredit perlu dikaji supaya dapat dijadikan panduan oleh pihak tertentu untuk mengurangkan isu hutang yang meningkat dalam kalangan pekerja pada masa kini. Berikut adalah persoalan yang ingin dijawab dalam kajian ini:

1. Adakah terdapat hubungan di antara ciri-ciri latar belakang sosioekonomi individu (tahap pendidikan dan pendapatan) terhadap tingkahlaku pengurusan hutang kad kredit dalam kalangan pekerja muda?
2. Adakah terdapat perkaitan di antara faktor pengetahuan dan sikap dengan tingkahlaku pengurusan hutang kad kredit dalam kalangan pekerja muda?



Rajah 2:
Kerangka kajian

H_{1a}: Terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap pendidikan terhadap tingkahlaku pengurusan hutang kad kredit dalam kalangan pekerja muda.

H_{1b}: Terdapat perbezaan yang signifikan di antara pendapatan terhadap tingkahlaku pengurusan hutang kad kredit dalam kalangan pekerja muda.

H₂: Terdapat perkaitan yang signifikan di antara pengetahuan terhadap tingkahlaku pengurusan kad kredit dalam kalangan pekerja muda.

H₃: Terdapat perkaitan yang signifikan di antara sikap terhadap tingkahlaku pengurusan hutang kad kredit dalam kalangan pekerja muda.

KAJIAN LITERATUR

Defini hutang dan kad kredit

Definisi hutang menurut Fazli, Ahmad Hariza dan Amim (2011) ialah suatu pembayaran yang dilakukan oleh individu bagi mendapatkan barang dan perkhidmatan. Diantara pinjaman yang ditawarkan di pasaran ialah pinjaman peribadi, sewa beli, kad kredit dan sebagainya. Apabila sudah berhasrat untuk memiliki kad kredit, perlulah bersedia untuk mengambil komitmen untuk menguruskan hutang itu sebaiknya.

Kad kredit diperkenalkan di Malaysia pada pertengahan tahun 70an (Chong 2011). Sebagaimana yang diketahui, kad kredit di Malaysia dibahagikan kepada 2 iaitu Islamik dan Konvensional (Amin 2012; Mohd Dali et al. 2008). Kad kredit merupakan sejenis pinjaman yang diberikan oleh bank kepada seseorang individu dimana individu tersebut boleh membuat pelbagai jenis pembelian tanpa menggunakan wang tunai. Selain itu, dengan memiliki kad kredit bermaksud individu tersebut bersetuju dengan membayar semula seperti yang ditetapkan oleh pihak bank.

Pengurusan Hutang

Beberapa faktor yang mempengaruhi pengurusan hutang pekerja muda ialah menerusi faktor jantina, umur, tahap pendidikan, pendapatan bulanan isi rumah, status perkahwinan dan bilangan tanggungan (Husniyah et al.2005; Baek & Hong, 2004) Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia pada tahun 2015, iaitu seramai 18,457 diisytiharkan mufis dimana rata-ratanya berumur diantara 25 tahun sehinggalah 44 tahun. Mereka dinasihatkan perlu berjumpa kaunseling kewangan bagi membincangkan masalah dan bagaimana cara untuk mengatasinya.

Terdapat beberapa faktor yang dikaitkan dengan kes mufis dalam kalangan pekerja muda ini, iaitu kurangnya pengetahuan bagaimana menguruskan kewangan dengan sebaiknya. Kaji selidik yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC) terhadap perilaku dan tabiat golongan pekerja muda yang mengakui telah berbelanja melebihi gaji bulanan. Hal ini telah menjurus kepada bebanan hutang pada usia muda.

Kebiasaannya, isu keberhutangan ini berkait rapat dengan pinjaman seperti sewa beli kereta, pinjaman persendirian, rumah dan pinjaman kad kredit. Agensi Kaunseling dan Penasihat Kewangan (2013) menyatakan golongan pekerja di Malaysia lebih menyukai penggunaan kad kredit bagi menggantikan wang tetapi kebanyakannya terperangkap dalam isu keberhutangan yang tinggi.

Agensi ini menyatakan bermula dari Januari sehingga Disember 2013, seramai 248,491 orang telah menghadiri sesi kaunseling mengenai pengurusan kewangan di samping dapat mengetahui bagaimana ingin mengendalikan hutang dengan sebaiknya. Bilangan ini meningkat berbanding tahun 2012 iaitu seramai 84,102. Statistik ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa ketidakmampuan golongan muda menguruskan hutang dengan bijak.

Tingkahlaku Pengurusan Hutang Kad Kredit

Di dalam kajian ini, pengkaji ingin melihat sama ada responden melakukan tingkahlaku pengurusan hutang kad kredit ataupun sebaliknya. Walaupun responden mempunyai tahap pengetahuan yang

tinggi dan mempunyai sikap yang sederhana terhadap pengurusan kredit, ia jelas sekali masih tidak cukup kuat untuk membuktikan bahawa responden mempunyai tingkahlaku yang bagus dalam menguruskan hutang kad kredit. Hasil kajian deskriptif, ia menunjukkan keputusan yang diperolehi daripada responden.

Hasil analisis mendapati bahawa min purata tertinggi adalah bagi pernyataan "Saya sedar mengenai kepentingan mempunyai pengetahuan yang jelas terhadap pengurusan hutang kad kredit" dengan min puratanya adalah 4.12. Ini menunjukkan responden sedar mengenai pentingnya dan bergunanya mempunyai pengetahuan yang jelas terhadap pengurusan hutang kad kredit.

Sehubungan dengan itu, terdapat juga pernyataan yang mempunyai min yang paling rendah iaitu min dari pernyataan "Semakin panjang tempoh bayaran balik pinjaman semakin rendah kos keseluruhan pinjaman tersebut". Min bagi pernyataan ini adalah sebanyak 2.95. Ini menunjukkan hakikatnya, apabila individu membuat sesuatu pinjaman, semestinya jika mengambil masa yang agak lama untuk untuk melangsaikan hutang tersebut, kosnya akan menjadi bertambah tinggi.

Pengetahuan Terhadap Tingkahlaku Pengurusan Hutang

Hasil kajian deskriptif telah menunjukkan responden mengetahui bahawa pendapatan seseorang individu perlulah sekurang-kurangnya mempunyai RM30,000 sebagai pendapatan tahunan untuk memohon kad kredit. Pemohon perlu mempunyai pendapatan minimum pada RM24,000 setahun untuk memohon kad kredit.

Seterusnya, min yang tertinggi iaitu 0.92 boleh dilihat pada pernyataan "Jika saya mempunyai masalah dalam pembayaran hutang, saya boleh meminta nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)". Sebanyak 75.5% mengetahui fungsi AKPK iaitu sebuah badan yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk membantu golongan yang mempunyai masalah pembayaran hutang dan juga kewangan. Sebanyak 8.0% responden yang tidak tahu mengenai Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) ini.

Responden tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenai Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2006. Penubuhan ini merupakan usaha untuk membina rangka kerja perlindungan pengguna yang komprehensif serta langkah proaktif untuk memastikan isi rumah untuk terus mapan dan berdaya tahan. Terdapat juga responden tidak mempunyai sebarang maklumat atau pengetahuan mengenai agensi ini. Bahkan responden beranggapan bahawa Agensi Kaunseling dan Pengurusan kredit (AKPK) ialah sebuah agensi yang menawarkan pinjaman kewangan. Nuraini Abdullah & Mohamad Fazli (2016).

Sementara itu, responden mengetahui mengenai pindaan Akta Kebankrapan 1967 yang dibuat pada tahun 2016. Sistem Informasi Rujukan Kredit (CCRIS) merupakan biro kredit yang mengumpul, proses menyimpan dan mewujudkan informasi mengenai status kredit individu, hanya 15.5% responden sahaja yang tidak tahu fungsi (CCRIS) ini, manakala selebihnya iaitu 84.5% responden lagi mengetahui fungsi (CCRIS) ini.

Sikap Terhadap Tingkahlaku Pengurusan Hutang Kad Kredit

Sepuluh soalan sikap terhadap tingkahlaku pengurusan hutang kad kredit telah dibahagikan kepada dua domain iaitu obsesi dan retensi (pengekalan). Domain ini telah diadaptasi daripada item yang terdapat dalam kajian psikologi wang oleh (Goldberg & Lewis, 1979) dan juga daripada Skala Midas (Rubinstein, 1980). Money Beliefs and Behaviour Scale (MBBS) mengandungi 6 faktor iaitu obsesi, kuasa/perbelanjaan, retensi (pengekalan), keselamatan, ketidakcukupan dan item yang terakhir

ialah keupayaan. Bagi kajian ini, pengkaji hanya menggunakan dua item iaitu dari segi obsesi dan retensi (pengekal) dan disesuaikan dengan kajian ini.

Dua domain ini diukur dengan menggunakan lima Skala Likert iaitu (1) sangat tidak setuju hingga (5) sangat setuju bagi mengenal pasti sikap pekerja muda yang menggunakan kad kredit dan bagaimana mereka menguruskan hutang kad kredit tersebut.

Berdasarkan hasil kajian deskriptif, responden percaya hanya wang sahaja yang boleh membantu menyelesaikan masalah hutang kad kredit. Buktinya, sebanyak 42.5% mengatakan sangat setuju bahawa wang membantu mereka menguruskan hutang kad kredit. Pernyataan ini mempunyai min yang paling tinggi iaitu 3.99. Manakala, sebanyak 3.0% responden menyatakan sangat tidak setuju dan berpendapat wang bukanlah penyumbang utama ketika ingin menyelesaikan hutang kad kredit yang telah dilakukan. Selari dengan kajian Yang, James dan Lester (2005) yang mendapati individu yang mempunyai sikap obsesi terhadap wang dan tahu bagaimana menguruskannya mempunyai kemahiran sosial yang tinggi, emosi yang lebih stabil dan kurangnya perasaan malu.

Domain yang kedua dalam sikap terhadap tingkahlaku pengurusan hutang kad kredit ialah retensi (pengekal), ia merupakan tingkahlaku individu yang melakukan simpanan dan mempelbagaikan perancangan kewangan yang kukuh supaya dapat membayar hutang kad kredit yang telah dilakukan tanpa mempunyai sebarang masalah kewangan. Min purata yang paling tinggi di bahagian retensi (pengekal) boleh dilihat pada pernyataan "Saya sering membayangkan bagaimana saya akan membayar hutang kad kredit jika saya terlebih membelanjakannya dengan min purata tertinggi sebanyak 3.71. Persepsi ini memberi gambaran kepada pekerja muda untuk membayar balik hutang yang telah dibuat daripada perbelanjaan kad kredit yang dilakukan. Hal ini serba sedikit melahirkan rasa bimbang mengenai perbelanjaan kad kredit dapat dikurangkan. Sebanyak 33.0% responden berasa setuju dengan pernyataan ini. Sungguhpun begitu, terdapat juga sebilangan responden iaitu 4.5% berasa sangat tidak setuju.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah deskriptif dan merupakan satu tinjauan. Tinjauan mempunyai 2 kategori iaitu kajian longitudinal dan *cross sectional* kajian rentas. Menurut Azizi Yahaya et al. (2007) terdapat dua jenis tinjauan iaitu tinjauan deskriptif dan tinjauan penerangan (exploratory). Tinjauan deskriptif, sampel yang mewakili populasi agak rumit kerana tiada jangkakan pada populasi. Bagi Fink (1995), tinjauan adalah satu kaedah mengumpul data untuk menghurai, membandingkan atau menjelaskan pengetahuan, sikap dan tingkahlaku. Bagi kajian ini, pengkaji telah memilih kajian berbentuk tinjauan dan deskriptif yang menggunakan borang soal selidik berbentuk yang kuantitatif.

HASIL KAJIAN

Latar Belakang Responden

Seramai 200 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Responden iaitu dalam kalangan pekerja muda di Universiti Putra Malaysia yang terdiri daripada 77 orang lelaki dan perempuan sebanyak 61.5%. Secara khususnya, hampir separuh daripada responden ialah wanita. Bagi

kategori umur pula, responden yang paling ramai menjawab soal selidik ini ialah dalam kalangan responden yang berumur daripada 23 sehingga 33 tahun iaitu sebanyak 26.0%. 164 orang responden yang berbangsa Melayu menjawab soal selidik ini iaitu sebanyak 82.0%. Dalam kajian ini, pengkaji menjadikan tahap pendidikan dan anggaran pendapatan bulanan sebagai pembolehubah bebas IV.

Tahap pendidikan telah dikategorikan kepada tiga iaitu menengah, peringkat prasiswazah dan peringkat tinggi. Bagi anggaran pendapatan bulanan isi rumah, ialah sebanyak 25.5% responden yang mempunyai pendapatan diantara RM2500-RM2999 diikuti yang kedua tertinggi ialah dalam kalangan responden yang mempunyai anggaran pendapatan bulanan sebanyak RM2000-RM2499 iaitu 21.5%. Seterusnya diikuti dengan 15% responden yang mempunyai anggaran pendapatan bulanan sebanyak RM5000 dan ke atas. Bagi pendapatan RM3000-RM3499, didapati sebanyak 12.5% diikuti dengan 7.5% responden yang mempunyai anggaran pendapatan RM1500- RM1999. Tambahan lagi, responden yang mempunyai pendapatan diantara RM4000-RM4499 dapat dilihat sebanyak 6.0% diikuti dengan 5.5% responden yang mempunyai pendapatan bulanan sebanyak RM3500-RM3999.

Ringkasan Hipotesis

Jadual 1 menerangkan lebih ringkas mengenai jenis ujian statistik yang telah digunakan, keputusan hasil kajian dan keputusan ujian analisis terhadap pengujian hipotesis.

Jadual 1:
Ringkasan Hipotesis

Hipotesis	Statistik	Ujian Analisis (Kesimpulan)
H _{1a} : Terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap pendidikan terhadap pengurusan hutang kad kredit dalam kalangan pekerja muda.	ANOVA	Tidak Diterima
H _{1b} : Terdapat perbezaan yang signifikan di antara pendapatan terhadap pengurusan hutang kad kredit dalam kalangan pekerja muda.	ANOVA	Tidak Diterima
H ₂ : Terdapat perkaitan yang signifikan di antara pengetahuan terhadap pengurusan hutang kad kredit dalam kalangan pekerja muda.	KORELASI PEARSON	Diterima
H ₃ : Terdapat perkaitan yang signifikan di antara sikap terhadap pengurusan hutang kad kredit dalam kalangan pekerja muda.	KORELASI PEARSON	Diterima
H ₄ : Terdapat ramalan terhadap faktor pegurusan hutang kad kredit dalam kalangan pekerja muda.	Analisi Regresi Pelbagai	Sikap saling berkait dengan tingkahlaku pengurusan hutang kad kredit.

KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji hubungan di antara tahap pendidikan, pendapatan, pengetahuan dan sikap terhadap pengurusan hutang kad kredit dalam kalangan pekerja muda di Universiti Putra Malaysia, Serdang. Kajian ini merupakan kajian tinjauan ataupun kajian deskriptif yang menggunakan instrumen borang soal selidik yang berbentuk kuantitatif. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Ujian Korelasi Pearson adalah untuk mengkaji hubungan antara dua pembolehubah bebas terhadap pembolehubah bersandar (DV) dan ujian ANOVA telah digunakan untuk mengkaji perbezaan pembolehubah di dalam hubungan hipotesis.

RUJUKAN

- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) ambil yang 2011. Waspada dengan skim cepat kaya. Dimuat turun http://www.bnm.gov.my/documents/6_Ringggit_Newsletter.pdf pada 24 Jun 2013.
- Bank Negara Malaysia. (2010). *Financial Stability and Payment Systems* Laporan 2010. Dimuat turun pada <http://www.bnm.gov.my>
- Nuraini Abdullah dan Fazli Sabri (2016) *Faktor Peramal Pengurusan Hutang dalam Kalangan Pekerja Muda*. International Journal of Education and Training (InjET)2(2) November: 1-19 (2016).
- Nur Shahirah Azman, Roza Hazli, Marican (2015) *Sikap Isi Rumah Terhadap Hutang Dan Keberhutangan: Kajian Kes Di Lembah Klang, Malaysia*. The Malaysian Journal of Social Administration, 9 (1): 59-86